

KPT.B.100-2/1/1

**PEKELILING PENTADBIRAN  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI  
BILANGAN 1 TAHUN 2011**

**Pengurusan Pelajar-Pelajar Yang Ditaja Melalui Skim Latihan  
Akademik Bumiputera (SLAB) Dan Skim Latihan Akademik IPTA  
(SLAI) Kementerian Pengajian Tinggi**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Naib Canselor/Rektor Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mengenai pengurusan bagi pelajar-pelajar yang ditaja melalui Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI).

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah membelanjakan sejumlah peruntukan yang besar sejak tahun 2006 untuk menaja pensyarah-pensyarah, tutor dan felo untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dan Ph.D sama ada di dalam atau di luar negara. Penajaan berkenaan adalah merupakan usaha Kerajaan untuk mencapai sasaran Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) sekurang-kurangnya 75% pensyarah berkeelayakan Ph.D dan setaraf di Universiti Penyelidikan (RU) dan

60% pensyarah berkelayakan Ph.D dan setaraf di lain-lain IPTA menjelang tahun 2015.

3. Bilangan pelajar yang telah ditaja di bawah kedua-dua skim berkenaan sejak tahun 2006 hingga tahun 2010 adalah seramai 6,195 orang di peringkat Ph.D manakala 3,331 orang di peringkat sarjana. Mereka terdiri dari tiga kategori berikut :

- (a) Pensyarah tetap yang telah dilantik ke jawatan tetap dan telah disahkan dalam jawatan. Mereka akan menerima gaji bulanan semasa dalam tempoh tajaan yang ditetapkan.
- (b) Pensyarah yang hanya dilantik ke jawatan secara sementara dan menerima gaji bulanan dan hanya akan disahkan dalam jawatan selepas berjaya mendapatkan Ph.D. Penajaan mereka disandarkan kepada jawatan yang telah diwujudkan di IPTA berkenaan.
- (c) Tutor atau felo lantikan sementara dan hanya menerima elaun bulanan sepanjang tempoh tajaan dan akan dilantik ke jawatan tetap selepas mendapat Ph.D. Mereka tidak disandarkan kepada sebarang jawatan tetap semasa dalam tempoh penajaan.

4. Walau bagaimanapun, prestasi (*output*) program ini iaitu bilangan calon tajaan yang berjaya memperolehi ijazah dalam tempoh tajaan (antara 3 hingga 4 tahun) adalah tidak memberangsangkan. Sebagai contoh, rekod kejayaan bagi calon tajaan 2006 dan 2007 menunjukkan peratus yang berjaya memperolehi ijazah Ph.D berdasarkan rekod pada bulan April 2011 adalah sebanyak 27.83%.

5. Satu kajian yang dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang kepada situasi tersebut telah dibuat dan hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa faktor penyumbang adalah seperti berikut :

- (a) Sikap calon semasa dalam pengajian.
- (b) Proses penyelidikan.
- (c) Proses akademik.
- (d) Kesihatan calon dan ahli keluarga dalam pengajian.

6. Beberapa siri konsultasi juga telah diadakan untuk mendapatkan pandangan pelbagai pihak yang berkepentingan untuk mencari jalan supaya kadar kejayaan calon-calon dapat dipertingkatkan.

#### **GARIS PANDUAN PELANTIKAN DAN PEMILIHAN CALON-CALON YANG HENDAK DITAJA**

7. Dalam merangka garis panduan ini, Kementerian juga telah mengambilkira arahan-arahan terkini berkaitan dasar-dasar penajaan dari pihak Kerajaan yang memandang serius mengenai kualiti calon, kualiti tempat pengajian dan kos yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan. Oleh itu, garis panduan ini merangkumi langkah-langkah yang perlu dimainkan oleh semua pihak yang terlibat, bermula dari pelantikan kakitangan akademik, persediaan sebelum memulakan pengajian, proses pemantauan dan dasar pelanjutan.

### ***Pelantikan sebagai kakitangan akademik***

8. Pemilihan calon yang akan dilantik sebagai kakitangan akademik adalah langkah pertama dan yang penting. Walaupun rekod kecemerlangan akademik adalah asas untuk melayakkan seseorang itu menjadikan kerjaya sebagai ahli akademik, kualiti sahsiah dan atribut yang sesuai sebagai pendidik dan penyelidik adalah sama penting.

9. Oleh itu, semua IPTA dicadangkan supaya memastikan pelaksanaan **ujian psikometrik** dibuat kepada calon sebelum dilantik sebagai tutor atau felo di samping mempunyai kelayakan akademik **sekurang-kurangnya 3.0 atau kelas kedua atas di peringkat ijazah pertama**. Ujian psikometrik perlu dibuat pada peringkat ini dan bukan pada peringkat perantikan ke jawatan pensyarah (lantikan tetap), **iaitu sebelum tajaan biasiswa disediakan kepada mereka** bagi memastikan calon-calon yang ditaja memang mempunyai ciri-ciri yang sesuai sebagai ahli akademik.

### ***Pemilihan mod pengajian***

10. Calon-calon yang diperakukan untuk ditaja pengajian di peringkat Ph.D perlu dipastikan mempunyai tahap persediaan akademik dan penyelidikan yang munasabah. Oleh itu, pemilihan mod pengajian perlu dipertimbang berdasarkan kriteria-kriteria berikut:-

- (a) Calon yang mempunyai pengalaman penyelidikan di peringkat sarjana atau penyelidikan yang telah diterbitkan boleh ditaja melanjutkan pengajian Ph.D secara

penyelidikan sepenuhnya sama ada di dalam atau di luar negara;

- (b) Jika calon tiada pengalaman penyelidikan atau mempunyai kelayakan sarjana secara kerja kursus, pertimbangan kepada mereka adalah melalui dua (2) kaedah iaitu ke **universiti yang menggunakan mod kerja kursus** terlebih dahulu sebelum penyelidikan Ph.D (sama seperti sistem pengajian di Amerika Syarikat) atau telah **mengikuti kursus metodologi penyelidikan secara komprehensif sebelum diluluskan penajaan**. Calon-calon yang memilih universiti yang mensyaratkan calon mengikuti kursus persediaan pada tahun pertama diikuti dengan tiga (3) tahun penyelidikan **tidak akan dipertimbang penajaan kecuali calon-calon Ph.D yang tidak mempunyai kelayakan sarjana** (ditawarkan terus ke peringkat Ph.D tanpa perlu mengikuti program sarjana terlebih dahulu).

#### ***Persediaan akademik dan penyelidikan***

11. Pada prinsipnya, hanya calon-calon yang telah bersedia sahaja sepatutnya diperakukan untuk ditaja ke peringkat Ph.D sama ada di dalam atau di luar negara. Untuk tujuan itu, pertimbangan untuk penajaan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- (a) Telah mengikuti kursus metodologi penyelidikan secara komprehensif sebelum diperakukan untuk penajaan;

- (b) Mengemukakan surat pengesahan "*proposal*" penyelidikan telah lengkap dan "*study plan*" telah diluluskan oleh ketua jabatan/dekan sebelum diluluskan penajaan;
- (c) Membuktikan tahap penguasaan bahasa yang terbaik terutama calon yang dicadangkan ditaja ke luar negara. Bagi pengajian yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar khususnya di luar negara, syaratnya ialah pencapaian skor IELTS 6.5 atau setaraf dan tarikh menduduki ujian tersebut tidak lebih dari 3 tahun sebelum penajaan ini;
- (d) Calon **tidak dibenarkan** mengikuti pengajian di luar negara jika mempunyai sejarah menghidap penyakit-penyakit kronik seperti darah tinggi, kencing manis dan jantung atau penyakit yang memerlukan rawatan berpanjangan termasuk diri dan keluarga.

#### ***Pemilihan tempat pengajian***

12. Dasar Kerajaan yang terkini adalah untuk mengutamakan pengajian dalam negara. Penajaan ke luar negara boleh dipertimbangkan tetapi haruslah memenuhi kriteria-kriteria berikut:-

- (a) Penajaan ke universiti-universiti yang ternama di seluruh dunia atau terbaik dalam sesuatu bidang pengajian (sebagai panduan senarai 50 universiti mengikut bidang

tahun 2010 yang dikeluarkan oleh Times Higher Education (THE) boleh digunakan seperti di **Lampiran A**, walau bagaimanapun sebarang input dari semua IPTA adalah dialu-alukan jika terdapat universiti luar negara yang terkemuka dalam bidang selain yang disenaraikan oleh THE);

- (b) Walaupun kriteria di atas sememangnya telah digunakan, tetapi kerap kali ianya terpaksa diberi pengecualian atas alasan kepakaran penyelia yang bertaraf dunia tetapi berada di universiti yang tidak ternama. Pada masa akan datang, pertimbangan hanya diberi jika terbukti universiti berkenaan mempunyai rekod yang cemerlang dalam bidang tujuhan tersebut dan mempunyai pasukan pakar-pakarnya dan tidak hanya mempunyai seorang pakar sahaja yang menerajui bidang berkenaan;
- (c) Bidang penyelidikan yang hendak dikaji hendaklah bidang-bidang yang terbukti tiada kepakaran di dalam negara atau teknologi penyelidikan tersebut tidak terdapat di dalam negara;
- (d) Tajuk penyelidikan dan bahan kajian tidak berasaskan data dan sampel yang diperolehi di dalam negara khususnya data-data yang mempunyai kepentingan strategik kepada ekonomi dan keselamatan negara;
- (e) Bakal penyelia mempunyai rekod penyeliaan yang baik dan struktur pengajian yang sesuai dengan akademik calon dan tempoh tajaan di samping universiti yang

mempunyai fasiliti dan dana yang mencukupi untuk menyelidiki pelajar.

### **PEMANTAUAN CALON SEMASA DALAM TEMPOH PENGAJIAN**

13. Pada ketika ini, adalah diperhatikan proses pemantauan kemajuan calon masih lemah. Kelemahan ini ditunjukkan melalui ramai calon-calon yang masih gagal mendapatkan kelulusan kertas cadangan (lulus Ph.D "*proposa*" atau ujian komprehensif) dalam tempoh 12 hingga 24 bulan yang pertama (bagi mod penyelidikan sepenuh masa) dan tiada sebarang tindakan dikenakan kepada mereka sama ada oleh pihak Kementerian atau IPTA. Kelemahan ini juga berkemungkinan besar turut menyumbang kepada faktor kelewatan calon-calon menyempurnakan pengajian mereka.

14. Prestasi calon dalam **tempoh 18 bulan pertama** adalah amat kritikal dan akan menentukan kesinambungan penajaan kepada mereka. Oleh itu, Kementerian bersama IPTA perlu menyediakan satu **pelan pemantauan yang komprehensif** bagi memastikan calon-calon melepasi tahap lulus Ph.D "*proposa*" atau ujian komprehensif dalam tempoh berkenaan. **Kegagalan mereka melepasi tahap ini tanpa alasan yang munasabah dalam tempoh berkenaan akan menyebabkan sebahagian daripada kemudahan tajaan (termasuk elaun sara hidup) akan digantung atau ditamatkan penajaan.** Prestasi mereka dalam tempoh ini juga akan dijadikan ukuran untuk menimbangkan kewajaran pelanjutan penajaan mereka apabila diperlukan kelak.



15. Bagi calon-calon yang menghadapi masalah dan gagal melepasi tahap tersebut, keputusan perlu dibuat sama ada penajaan kepada mereka boleh diteruskan atau tidak. Tindakan yang perlu diambil pada tahap ini adalah seperti berikut:-

- (a) Mendapatkan laporan kemajuan terperinci daripada penyelia;
- (b) IPTA perlu memberi komen dan ulasan mengenai tindakan yang sesuai;
- (c) Kementerian akan menimbangkan kedudukan calon dan pilihan-pilihan yang sesuai iaitu:-
  - (i) dibenarkan meneruskan penajaan dengan amaran; atau
  - (ii) mengarahkan kembali ke Malaysia dan menyambung pengajian di dalam negara; atau
  - (iii) penajaan ditangguhkan sehingga "*proposal*" calon diluluskan; atau
  - (iv) penajaan ditamatkan dengan dikenakan tindakan gantirugi.

16. Bagi memastikan pemantauan dilaksanakan dengan berkesan, komunikasi yang berterusan dan program-program pertemuan perlu diadakan. Bagi calon-calon yang ditaja di luar negara, lawatan pemantauan perlu diselaraskan bersama dengan semua IPTA dan Kementerian supaya pihak pengurusan IPTA tidak hanya mengadakan pertemuan dengan calon-calon dari IPTA berkenaan sahaja tetapi kepada semua calon-calon tajaan Kementerian

**Pengajian Tinggi.** Perkara ini perlu dipatuhi oleh semua pihak bagi mengelakkan program lawatan yang bertindih dan memastikan skop pemantauan dapat dibuat seluas mungkin dengan kos yang terkawal. Untuk tujuan tersebut, setiap cadangan lawatan pemantauan ke luar negara perlu dimaklumkan ke Bahagian Biasiswa, Kementerian Pengajian Tinggi sebelum lawatan tersebut diadakan (selain dari permohonan kelulusan ke luar negara kepada Ketua Setiausaha) dan ringkasan laporan lawatan dikemukakan setelah lawatan tersebut selesai.

17. Bagi calon-calon yang mengikuti pengajian dalam negara, program pemantauan perlu juga diadakan dan Pusat Pengajian Siswazah perlu mengatur program pertemuan dengan calon-calon tajaan secara berkala bersama pihak Kementerian (Bahagian Biasiswa).

## **PELANJUTAN PENAJAAN**

### ***Prinsip pelanjutan***

18. Walaupun banyak permohonan untuk memanjangkan tempoh penajaan secara automatik, Kementerian juga telah mengambilkira komen dari pelbagai pihak dan berpandangan tempoh penajaan yang diamalkan sekarang boleh dikekalkan. Jika perlu, **pelanjutan penajaan akan dipertimbangkan mengikut merit.** Sebagaimana yang dilaksanakan pada ketika ini, pertimbangan pelanjutan mengambilkira prinsip-prinsip berikut:-

- (a) **Struktur pengajian** yang memerlukan tempoh yang panjang (misalnya perlu mengikuti kursus dan peperiksaan komprehensif yang berjadual); atau
- (b) Kelewatan disebabkan **kekangan/halangan yang bukan berpunca daripada kelemahan akademik pelajar** atau masalah-masalah yang berkaitan peribadi, tetapi faktor-faktor di luar kawalan pelajar; dan
- (c) **Potensi** untuk menamatkan pengajian dengan jaya jika diberi pelanjutan.

19. Rekod juga menunjukkan bahawa tempoh masa yang diambil oleh calon dalam negara untuk menamatkan pengajian adalah lebih lama berbanding luar negara. Antara faktor yang didapati oleh pasukan kajian adalah tempoh menunggu yang lama yang diambil oleh pelajar untuk *viva* dan peperiksaan. Perkara ini perlu diselaraskan dan dikaji oleh IPTA dan juga Pusat Pengajian Siswazah. Adalah dicadangkan satu standad ditetapkan iaitu:

- (a) Sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tesis lengkap dihantar kepada Sekolah Pengajian Siswazah, pelajar/penyelia telah mengemukakan abstrak/cadangan nama pemeriksa dan borang bagi notis pelantikan pemeriksa.
- (b) Tempoh masa untuk pemeriksa adalah selama 2 bulan dan sebulan (1) bagi tujuan pengurusan dan *viva*. Keseluruhan masa selepas tesis lengkap dihantar kepada

Sekolah Pengajian Siswazah adalah selama tiga (3) bulan ke empat (4) bulan.

Adalah dicadangkan pelajar mesti **dipanggil viva selewat-lewatnya tidak melebihi empat (4) bulan** selepas tesis lengkap dihantar kepada Sekolah Pengajian Siswazah.

20. Garis panduan pelanjutan yang telah disediakan juga diperketatkan supaya pelanjutan hanya dipertimbangkan bagi kes-kes yang benar-benar diperlukan. Garis panduan pertimbangan pelanjutan adalah:

- (a) Pada tahap analisis data – maksimum 6 bulan dengan kemungkinan pelanjutan kedua dibayar yuran sahaja;
- (b) Penulisan 3 bab terakhir termasuk penyediaan deraf akhir tesis – maksimum 6 bulan termasuk tempoh *viva*;
- (c) Deraf akhir selesai dan sedang menunggu komen dari penyelia dan tarikh *viva* – maksimum 3 bulan; dan
- (d) Menunggu tarikh *viva* – pelanjutan sehingga tarikh *viva* (jika tarikh *viva* kurang dari 3 bulan) dengan tambahan 2 minggu untuk pembedulan dan penyerahan tesis, tetapi tidak melebihi 3 bulan keseluruhannya.

#### ***Elaun Bantuan Keluarga***

21. Jika pelajar diluluskan pelanjutan kedua dengan berbiasiswa (selepas pelanjutan pertama 6 bulan dengan berbiasiswa) dan pelanjutan hanya dipertimbangkan bagi kes-kes yang benar-benar diperlukan dan **calon tidak lagi dibayar elaun bantuan keluarga**

dalam tempoh pelanjutan kedua berkenaan, keluarga boleh dihantar pulang bagi menumpukan sepenuh perhatian kepada pengajian dan menamatkan pengajian dengan jayanya.

#### **INISIAN TAMBAHAN**

22. Bagi meningkatkan pendedahan pelajar kepada penyelidikan di luar negara kepada pelajar yang ditaja dalam negara, syarat **kemudahan penyelidikan luar negara diperluaskan kepada memungut data dan mencari bahan penyelidikan** tanpa mengira tempat pengajian di peringkat ijazah pertama dan sarjana (syarat sekarang calon yang mendapat kedua-dua pendidikan dalam negara di peringkat sarjana dan ijazah pertama). Ini akan membolehkan lebih ramai calon tajaan dalam negara mendapat pendedahan luar negara dan dalam masa yang sama meningkatkan integrasi/pertukaran pelajar dan penyelidikan tetapi tempoh yang dibenarkan tidak melebihi 3 bulan. Walau bagaimanapun kemudahan ini **tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi pada ketika itu.**

23. Bagi memperluas kemudahan pembiayaan untuk menghadiri dan membentangkan kertas penyelidikan di seminar peringkat antarabangsa, yang sebelum ini hanya dibenarkan dalam kawasan (*regional*) yang ditetapkan, diperluaskan ke kawasan/negara lain tetapi tertakluk kepada kadar **maksimum RM5000** termasuk tambang, penginapan, makan dan yuran persidangan.

## IKATAN PERJANJIAN DAN PELANTIKAN KE JAWATAN TETAP

24. Setiap calon yang ditaja melalui kedua-dua skim biasiswa SLAB dan SLAI mempunyai dua (2) ikatan perjanjian iaitu bersama IPTA selaku majikan dan Kementerian bagi pihak Kerajaan. Pihak IPTA selaku majikan akan bertanggungjawab dalam urusan pembayaran gaji/elaun semasa belajar termasuk kemudahan-kemudahan yang disediakan bagi keluarga pelajar manakala bagi urusan biasiswa seperti elaun sara hidup, elaun buku, perkakas, yuran pengajian dan lain-lain kemudahan yang layak akan diuruskan oleh Bahagian Biasiswa.

25. Oleh kerana terdapat dua (2) perjanjian yang terlibat iaitu dengan majikan dan Kementerian (Kerajaan) maka **kedua-dua perjanjian tersebut berjalan secara serentak kecuali jika pelajar mempunyai baki tempoh kontrak dari perjanjian yang terdahulu atau pemindahan kontrak dari penaja lain seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) maka baki kontrak tersebut perlu diselesaikan terlebih dahulu** bermula dari tarikh pelajar melapor diri selepas menamatkan pengajian. Perkara ini hendaklah dimaklumkan kepada mereka sewaktu melapor diri untuk tujuan pelantikan atau sewaktu tarikh melapor diri selepas menamatkan pengajian.

26. Pihak IPTA selaku majikan hendaklah memastikan bahawa pelajar yang telah menamatkan pengajian Ph.D dengan jayanya hendaklah dilantik ke jawatan tetap di IPTA berkenaan dengan segera apabila pelajar terbukti telah memperolehi ijazah Ph.D. **Jika dalam keadaan tertentu, calon berkenaan gagal dilantik ke perkhidmatan tetap, pihak IPTA adalah bertanggungjawab**

melaporkannya kepada Kementerian dengan kadar segera supaya tindakan susulan boleh diambil. Jika kegagalan ini juga menyebabkan pelanggaran perjanjian, tindakan kutipan gantirugi juga perlu dilaksanakan.

27. Pihak IPTA hendaklah membuat perancangan supaya terdapat jawatan-jawatan kosong dan baru disediakan pada setiap kali calon tajaan menamatkan pengajian dengan jayanya. Permohonan jawatan baru hendaklah dipohon melalui Pemeriksaan Anggaran Belanja Mengurus (ABM) tahunan yang buat bersama dengan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan pada setiap tahun. Pihak IPTA juga perlu membuat perancangan supaya tiada pensyarah/tutor/felo yang tidak dilantik ke jawatan tetap selepas menamatkan pengajian dengan jayanya.

#### **PELANGGARAN KONTRAK**

28. Bagi pelajar yang gagal menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan oleh majikan atau Kementerian (selepas tempoh tertentu diberikan), memilih untuk tidak berkhidmat di IPTA majikan atau mereka meletakkan jawatan semasa dalam tempoh kontrak, pihak IPTA hendaklah memaklumkan kepada Kementerian dengan kadar segera maklumat-maklumat pelajar seperti berikut:-

- (a) Nama pelajar/pegawai
- (b) Status jawatan pelajar/pegawai
- (c) Sebab-sebab pelanggaran


29. Manakala bagi pelajar yang gagal dilantik bukan atas sebab masalah disiplin, maklumat pelajar hendaklah terlebih dahulu dimaklumkan kepada Kementerian dan pihak IPTA juga hendaklah memaklumkan perkara tersebut kepada pelajar dan pelajar diwajibkan untuk memohon berkhidmat di IPTA lain. **Pihak majikan hanya dibenarkan melepaskan pegawai selepas pegawai diterima berkhidmat di IPTA lain dan perkara ini hendaklah dimaklumkan kepada Kementerian bagi urusan pelaksanaan kontrak perjanjian.**

#### TARIKH KUAT KUASA

30. Pekeliling pentadbiran ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

**"MENERAJUI KEGEMILANGAN ILMU"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



(DATUK AB. RAHIM BIN MD. NOOR)

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengajian Tinggi  
MALAYSIA

9 Jun 2011



SENARAI 50 UNIVERSITI TERBAIK DUNIA MENGIKUT BIDANG TAHUN 2010/2011  
(THE WORLD UNIVERSITY RANKINGS)

Bil.	BIDANG					
	Engineering & Technology	Life Sciences	Clinical, Pre-clinical and Health	Physical Sciences	Social Sciences	Arts and Humanities
1	California Institute of Technology	Massachusetts Institute of Technology	Harvard University	Harvard University	Harvard University	Harvard University
2	Massachusetts Institute of Technology	Harvard University	Stanford University	California Institute of Technology	Princeton University	Stanford University
3	Stanford University	Stanford University	University of Cambridge	Massachusetts Institute of Technology	Stanford University	Princeton University
4	Princeton University	University of Oxford	University of Oxford	Princeton University	University of Michigan	University of Chicago
5	University of California Berkeley	Yale University	Imperial College London	Stanford University	Yale University	University of Oxford
6	University of Cambridge	University of Cambridge	Yale University	University of California Berkeley	University of Chicago	Columbia University
7	Swiss Federal Institute of Technology Zurich	University of California Berkeley	Johns Hopkins University	University of Chicago	University of Oxford	University of Cambridge
8	University of Oxford	Johns Hopkins University	University of California Los Angeles	University of Cambridge	University of Cambridge	University of California Berkeley
9	Imperial College London	Imperial College London	Columbia University	Yale University	University of California Los Angeles	Yale University
10	Georgia Institute of Technology	Princeton University	University College London	University of Oxford	University of California Berkeley	University College London
11	Carnegie Mellon University	University College London	University of California Berkeley	Swiss Federal Institute of Technology Zurich	University of Pennsylvania	University of California Los Angeles
12	Cornell University	University of California Los Angeles	University of Toronto	Cornell University	Columbia University	University of Toronto
13	University of Toronto	Duke University	University of Washington	Imperial College London	London School of Economics and Political Science	University of Michigan
14	University of Michigan	University of California San Diego	Duke University	University of California Los Angeles	University College London	Australian National University
15	University of Illinois - Urbana	University of Washington	University of Michigan	University of Washington	University of Toronto	New York University
16	National University of Singapore	University of Michigan	University of Pennsylvania	University of California Santa Barbara	Northwestern University	University of Edinburgh
17	University of California Santa Barbara	Cornell University	University of North Carolina, Chapel Hill	Columbia University	University of British Columbia	Rutgers the State University of New Jersey
18	Northwestern University	Columbia University	University of Melbourne	University of Munich	University of North Carolina, Chapel Hill	University of Pittsburgh
19	University of Hong Kong	University of British Columbia	McGill University	University of Tokyo	Cornell University	Cornell University
20	Tsinghua University	University of Toronto	Washington University Saint Louis	Northwestern University	University of Wisconsin	University of St. Andrews
21	Hong Kong University of Science and Technology	University of Pennsylvania	Karolinska Institute	University of Michigan	Duke University	McGill University
22	University of Tokyo	University of Wisconsin	University of Hong Kong	University of Göttingen	Australian National University	University of Melbourne
23	Ecole Polytechnique	McGill University	University of Chicago	Ecole Polytechnique	McGill University	University of Pennsylvania
24	Ecole Polytechnique Federale of Lausanne	University of California Davis	University of Pittsburgh	University of Illinois - Urbana	University of Melbourne	University of North Carolina, Chapel Hill
25	Peking University	University of Chicago	University of Sydney	University of Toronto	University of Washington	University of Sydney
26	University of Massachusetts	University of Edinburgh	University of California San Diego	Pohang University of Science and Technology	New York University	London School of Economics and Political Science
27	University of Minnesota	Washington University Saint Louis	King's College London	University of Edinburgh	University of Hong Kong	Duke University
28	Pohang University of Science and Technology	Karolinska Institute	Cornell University	University of Melbourne	Carnegie Mellon University	University of Wisconsin
29	Brown University	University of Hong Kong	University of British Columbia	Ruprecht Karl University of Heidelberg	University of Illinois - Urbana	University of Manchester
30	University of Melbourne	University of Tokyo	McMaster University	University of Colorado	University of Minnesota	Brown University
31	University of California San Diego	University of North Carolina, Chapel Hill	Monash University	Boston University	King's College London	Indiana University
32	Rice University	University of Melbourne	Emory University	Rice University	University of California San Diego	Lancaster University
33	Delft University of Technology	Boston University	Boston University	University of British Columbia	Ohio State University	University of Notre Dame
34	Purdue University	Swiss Federal Institute of Technology Zurich	Tufts University	University of Adelaide	Vanderbilt University	Leiden University
35	University of Wisconsin	Kyoto University	University of Edinburgh	Carnegie Mellon University	University of York	Free University of Berlin
36	Ecole Normale Supérieure, Paris	University of York	University of Massachusetts	University of Hong Kong	University of Maryland College Park	Humboldt University of Berlin
37	University of Queensland Australia	Pohang University of Science and Technology	University of Tokyo	University of Sussex	Washington University Saint Louis	Catholic University of Leuven
38	University of British Columbia	University of Queensland Australia	Vanderbilt University	University of California Santa Cruz	University of Sydney	University of Massachusetts
39	University of Freiburg	University of Dundee	National University of Singapore	University of Zurich	University of Edinburgh	University of Amsterdam
40	University of Sydney	Australian National University	University of Adelaide	Royal Holloway, University of London	University of Virginia	King's College London
41	University of Southern California	University of Adelaide	University of California Irvine	University of California Irvine	University of California Santa Barbara	University of California Santa Barbara
42	University of California Davis	Monash University	University of Queensland Australia	Peking University	University of Cape Town	Georgetown University
43	Birkbeck, University of London	University of California Santa Barbara	University of Glasgow	University of California San Diego	Emory University	University of Birmingham
44	Australian National University	University of Barcelona	Northwestern University	Hong Kong University of Science and Technology	University of California Irvine	University of Warwick
45	University of Science and Technology of China	University of Cape Town	University of Wisconsin	University of Wisconsin	Dartmouth College	University of California San Diego
46	National Taiwan University	Ecole Normale Supérieure, Paris	University of Manchester	Lund University	Brown University	Northwestern University
47	University of Notre Dame	King's College London	University of Alberta	Brown University	University of Arizona	University of Arizona
48	Nanjing University	Vanderbilt University	University of Auckland	William & Mary, USA	Ecole Normale Supérieure, Paris	Tilburg University
49	Bielefeld University	University of Munich	University of Barcelona	Ohio State University	Durham University	University of Auckland
50	Ohio State University	Hong Kong University of Science and Technology	University of Montreal University of Southern California	Georgia Institute of Technology	University of Bristol	University of Southern California Durham University